



DISAMBUT BAIK

BENGKEL Pengenalan Tumbuhan Ubatan Baru anjuran Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berlangsung selama dua hari, Selasa dan Rabu lepas di universiti itu menerima penyertaan yang memberangsangkan.

Para peserta terdiri daripada ahli akademik, penyelidik, pelajar dan penuntut institusi pengajian tinggi, kakitangan kerajaan dan swasta, guru serta usahawan yang berminat dalam bidang berkenaan.

Bengkel bertujuan memberi pendedahan kepada setiap peserta mengenai industri herba semasa, tanaman aroma, pemakanan berdasarkan herba, pembiakan tumbuhan secara in-vitro, kebun dapur dan lawatan ke Taman Konservatori Pertanian (TKP).

Para peserta diberi penerangan dan maklumat mengenai kegunaan, kaedah penanaman dan penjagaan tumbuhan ubatan kepada para peserta.

Bengkel dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Dr. Aini Ideris.

Turut hadir Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff dan Timbalan Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Abd. Rahman Omar.

■ PROF Dr. Aini Ideris (tengah) diberi penerangan oleh Dr. Faridah Qamaruz Zaman (kiri) dan Prof Dr. Fatimah Md. Yusoff mengenai tumbuhan ubatan pada Bengkel Pengenalan Tumbuhan Ubatan Baru di Institut Biosains, UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.